

# Pikat gadis animasi hingga ke ranjang

Metro 24/3/2011 4

Permainan komputer lucah tawar cara mengurat hingga ke bilik tidur di alam maya

**FAKTA**  
Dijual secara  
terbuka  
RM15  
sekeping

>>Oleh Iskandar Shah  
Mohamed  
skandar@hmetro.com.my

**S**EREMBAN: 'Kegilaan' remaja lelaki termasuk pelajar sekolah terhadap permainan komputer lucah menerusi cakera padat (CD) perisian komputer dan cakera video digital (DVD) menawarkan pengalaman sebagai pelakon untuk 'memancing' watak gadis animasi sehingga tahap melakukan hubungan seks di alam maya, kini membimbangkan.

Difahamkan, pemain perlu menempuh beberapa peringkat sama seperti kehilangan seorang lelaki di alam nyata, antaranya merangkumi proses mengurat gadis maya idaman bermula sesi emu janji (dating) hingga datang ke rumah untuk mengambil hati kedua-dua ibu bapa teman wanitanya itu.



RAMPAS...Zainal Abidin (tengah) menunjukkan DVD dan CD permainan komputer lucah yang dirampas.

Sejurus semua peringkat itu diselesaikan, pemain akan diberi peluang untuk mengakhirinya di ranjang bersama gadis berkenaan yang menayangkan susuk tubuh bogel dan menggiurkan.

Perkara itu dibongkar Bahagian Kawalan Filem dan Penguatkuasaan (BKF) Kementerian Dalam Negeri (KDN) Negeri Sembilan yang merampas puluhan bahan haram terbabit di sebuah premis menjual peralatan

komputer di pusat beli Terminal One di sini, pada 8 Mac lalu.

Ketua Cawangannya, Zainal Abidin Othman, berkata serbuan dilakukan hasil risikan pihaknya berhubung kewujudan permainan lucah yang dijual secara terbuka dengan harga RM15 sekeping.

"Hasil pemeriksaan merampas 25 CD dan empat DVD permainan komputer lucah pelbagai judul yang kebanyakannya memapar-

kan gadis animasi mengghairahkan dipercayai dari Jepun.

"Berikutan itu, kami menahan seorang penjaga kedai iaitu remaja lelaki berusia 17 tahun untuk tindakan lanjut. Kes terbabit disiasat mengikut Seksyen 5 Akta Penapisan Filem 2002 kerana kesalahan membabitkan filem lucah atau bahan publisiti filem lucah.

"Kami menjangkakan kes itu akan didakwa ke mahkamah dalam tempoh ter-

dekat dan semuanya terserah kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk tindakan susulan," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini, semalam.

Menurut Zainal, hasil siasatan pihaknya tidak menolak kemungkinan penjualan bahan itu berada di pasaran sejak tahun lalu, namun tiada tindakan diambil kerana ia berada dalam lambakan permainan komputer lain.

"Bahan lucah itu dipercayai turut dijual di kawasan lain dan kami menyiasat punca bekalan sama ada gelap atau secara terbuka.

"Berikutan itu, kami akan memperhebatkan operasi gempur dan melakukan pemantauan berterusan bagi memastikan aktiviti tidak sihat terbabit dihapuskan," katanya.

Beliau berkata, penelitian pihaknya mendapati permainan itu digemari remaja kerana memberi keseronokan luar biasa kepada mereka untuk berusaha memikat gadis animasi cantik sehingga mengajaknya melakukan hubungan seks.

Orang ramai yang mempunyai maklumat perkara seumpama itu boleh menghubungi pejabat BKF KDN negeri di talian 06-7611152 untuk tindakan selanjutnya.